

Peranan India Muslim tidak harus diperkecil – Dr. M

UM 13 JUN 2005

KUALA LUMPUR 12 Jun – Peranan kaum India Muslim dalam menentukan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam setiap pilihan raya umum tidak seharusnya diperkecilkan meskipun mereka merupakan minoriti di negara ini.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, menyedari hakikat itu, telah mendorong kerajaan untuk membantu mengisi keperluan serta menghargai setiap aktiviti sosial yang mereka dijalankan.

“India Muslim di negara ini tidak besar jumlahnya, tetapi walau dengan satu undi sekalipun daripada mereka bagi menyokong parti Perikatan sehingga Barisan Nasional

sejak dulu, ia tetap memberikan kemenangan kepada kerajaan.

“Kerana itulah kita (BN) amat menghargai peranan kaum India Muslim,” kata bekas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap pada majlis makan malam ‘Mahathir Jasamu Dikenang’ anjuran Jemaah Malabar Muslim Johor dan Majlis Tindakan India Muslim Malaysia di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Hadir sama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Majlis Jasamu Dikenang, Thasleem Mohd.

Ibrahim dan Yang Dipertua Jemaah Malabar Muslim Johor, Maidin Hussien.

Dr. Mahathir seterusnya menyeru kaum India Muslim agar terus berperanan supaya membantu usaha-usaha pembangunan dan kemasyarakatan anjuran kerajaan secara berterusan dalam menentukan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

“Kaum India Muslim juga tidak seharusnya berasa kecil kerana mereka juga perlu bersama-sama berganding bahu dengan kaum lain bagi membina masa depan bangsa Malaysia dalam keadaan kekal aman makmur, maju dan bersatu padu,” tegasnya.